

**HUBUNGAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN PELAJAR BUKAN
BUMIPUTERA DENGAN PENCAPAIAN
MATA PELAJARAN SEJARAH
DI KOTA KINABALU,
SABAH.**




RAHMAN BIN RAMLI

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

PENGAKUAN PELAJAR

Saya akui disertasi ini adalah usaha saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



(RAHMAN BIN RAMLI)

PS03-006(K)-178

25 MEI 2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Limpahan rahmat keatas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada setiap individu yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian yang bertajuk **“Hubungan Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Bumiputera Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Di Kota Kinabalu, Sabah.”**

Sehubungan itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih khusus kepada En. Abdul Said Ambotang selaku pensyarah bimbingan yang telah banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar dalam melaksanakan kajian ini. saya juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pensarah Sekolah Pendidikan Sains Sosial yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam memberi idea dan pendapat, serta perkongsian bahan rujukan sehingga siapnya tugas ini. Sesungguhnya yang baik itu datangnye dari Allah jua dan segala kelemahan yang terdapat dalam kajian ini adalah kerana kelemahan saya sendiri. Diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kearah meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negeri ini khususnya dan negara amnya. Segala ilmu dan pengetahuan yang diperoleh akan dapat dimanfaatkan di sekolah. Akhirnya semoga segala pertolongan, bantuan, kerjasama, penglibatan aktif serta sumbangan yang diberikan itu mendapat ganjaran baik dari Tuhan (Allah S.W.T.).
Sekian.

ABSTRAK

HUBUNGAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR BUKAN BUMIPUTERA DENGAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH DI KOTA KINABALU, SABAH.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan bumiputera dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah sekitar Kota Kinabalu. Kepentingan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar memang tidak perlu dinafikan memandangkan Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara ini. Lebih-lebih lagi dalam kalangan pelajar bukan bumiputera berdasarkan faktor demografi dan persekitaran mereka yang kurang mempratikkan penggunaan bahasa Melayu. Usaha kerajaan untuk mengangkat martabat bahasa Melayu dapat dilihat dalam beberapa program yang telah diketengahkan dalam sistem pendidikan di negara ini misalnya program “**Bahasa Merentasi Kurikulum**” dan slogan “**Bahasa adalah jiwa bangsa**” bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi yang akan menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Penyelidik telah memilih beberapa buah sekolah yang mempunyai ramai pelajar bukan bumiputera untuk diambil sebagai responden. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini penyelidik hanya mengambil 58 orang pelajar daripada tiga buah sekolah. Penyelidik juga telah menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan maklumat kajian. Penyelidik telah menggunakan **SPSS (Statistik for Sosial Science Versi 13.0)** untuk memproses maklumat. Penyelidik cuba mengupas beberapa persoalan dalam aspek penguasaan bahasa Melayu misalnya penguasaan lisan, tatabahasa, tulisan dan bacaan dan hubungannya dengan pencapaian dalam sejarah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar bukan bumiputera di daerah Kota Kinabalu mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang baik samada dalam aspek lisan, tatabahasa, tulisan dan bacaan berdasarkan min yang diperolehi (> 3.00). Dapatan ini sudah tentu memberikan gambaran positif terhadap perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini. Satu kajian lanjut mungkin boleh dilakukan pada masa akan datang untuk menilai tahap penguasaan bahasa Melayu misalnya dan hubungannya dengan tahap patriotisme di kalangan pelajar bukan bumiputera. Kajian-kajian secara ilmiah sudah tentu akan dapat membantu memartabatkan bahasa Melayu pada masa akan datang.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN THE MASTERY OF THE MALAY LANGUAGE AND THE ACHIEVEMENTS IN THE HISTORY SUBJECT AMONGST NON-BUMI STUDENTS IN KOTA KINABALU, SABAH.

The main objective of this research is to investigate the relationship between the mastery of the Malay language and the achievements in the History subject amongst non-Bumi students in schools all around Kota Kinabalu. The importance of mastering the Malay language amongst students is undeniable as Malay language is the official language of this country. Further more, demographical and environmental factors have affected the level of mastery of Malay language amongst non-Bumi students. The government's efforts to raise the prestige of Malay language can be seen in a few programs which have been included in the country's educational system. For example, the "Bahasa Merentasi Kurikulum" programme and the "Bahasa Jiwa Bangsa" slogan which enables Malay language to become a medium of communication to unite this multi-racial state. Researchers have selected a few schools with a large number of non-Bumi students around Kota Kinabalu as the respondents. However, in this research, only 115 students from schools were selected. Researchers also used questionnaires to obtain information for this research. The SPSS (Statistics for Social Science Version 13.0) was used to process the information obtained. Besides that, researches also raised a few questions on the different aspects of mastering Malay language. For example, aspects like aural, grammar, comprehension, reading and also their effect on student's achievements in the history subject. Results showed that non-Bumi students in Kota Kinabalu have a high level of mastering Malay language in the various aspects mentioned. This definitely gives a positive picture of unity in this multi-racial state. Other research can be carried out in the future to assess the level of mastery towards the Malay language and also its relationship with the patriotism level amongst non-Bumi students. Such academic researches will definitely help raise the quality of Malay language of the state of Sabah in the future.

SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SRJK(C)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SRJK(T)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL

N	Bilangan subjek
R	Nilai kolerasi
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada
=	sama dengan
%	Peratus
SP	Sisishan Piawai



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

SINGKATAN

SENARAI SIMBOL

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Tujuan kajian	7
1.5	Persoalan kajian	7
1.6	Objektif kajian	8
1.7	Kepentingan kajian	9
1.8	Hipotesis Kajian	11
1.9	Limitasi kajian	11
1.10	Definisi operasional	12

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.1.1	Masyarakat bumiputera dan bukan bumiputera	15
2.1.2	Bahasa Melayu	18
2.1.3	Bahasa Melayu dengan bahasa Malaysia	19
2.1.4	Pengajaran Bahasa Melayu di Sabah	21
2.1.5	Konsep penguasaan bahasa Melayu	23
2.1.6	Sejarah	28

2.2 Kajian-kajian lepas	30
2.3 Teori kajian	33
2.4 Model kajian	34

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka bentuk kajian	38
3.2 Lokasi kajian	39
3.3 Subjek kajian	39
3.4 Sampel kajian	40
3.4 Instrumen kajian	40
3.5 Pengumpulan Data	40
3.6 Analisis kajian	41
3.7 Analisis Kolerasi	43

BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN

4.1 Pendahuluan	44
4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	44
4.3 Demografi responden	48
4.4 Dapatan kajian secara diskriptif	49
4.5 Dapatan berdasarkan Objektif kajian	57
4.6 Dapatan Berdasarkan Hipotesis Kajian	62

BAB 5: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan	72
5.1.1 Pendekatan Kajian	72
5.1.2 Teori Kajian	74
5.1.3 Kerangka Kajian	76
5.2 Persepsi Pelajar Terhadap Bahasa Melayu dan Mata Pelajaran Sejarah	76
5.3 Cadangan	85
5.4 Kajian Lanjutan	88
5.5 Penutup	89

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A: BORANG SOAL SELIDIK

LAMPIRAN B: SURAT KEBENARAN KAJIAN

LAMPIRAN C: KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN RINTIS

LAMPIRAN D: KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN SEBENAR

LAMPIRAN E: ANALISIS KOLERASI

LAMPIRAN F: SKOR MIN BAGI SETIAP VARIABEL BERSANDAR

LAMPIRAN G: NILAI MIN BAGI SETIAP ITEM



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Kepentingan mata pelajaran Sejarah tidak perlu dipertikaikan lagi. Mata pelajaran ini dianggap mempunyai kepentingan yang amat besar kepada negara untuk menerapkan nilai kewarganegaraan dan membentuk generasi muda supaya menjadi generasi yang berguna kepada bangsa, agama dan negara. Lewenstein, (1963) dalam membincangkan sumbangan pendidikan sejarah, menekankan betapa pentingnya pendidikan ini dalam mengembangkan nilai dan semangat patriotisme. Menurutnya, pengetahuan dan pemahaman sejarah boleh memberi kesan kepada sikap kesetiaan dan patriotisme terhadap sesebuah negara (Abdul Rahim, 2000).

Seorang warganegara yang sempurna perlu mengetahui latar belakang warisan budayanya, perkembangan sejarah bangsa dan kemahirannya. Dengan mempelajari sejarah tanahair akan dapat mengembangkan kesedaran dan kebanggaan terhadap negara. Menurut Krug (1976), sejarah adalah satu bidang yang dapat mengetengahkan kajian masa lampau sesebuah negara dan diterima oleh kebanyakkan orang sebagai sangat berguna untuk menguatkan perpaduan negara dan menanamkan semangat cintakan negara dan membina semangat patriotik (Abdul Rahim, 2000)

Persoalannya ialah, adakah mata pelajaran ini telah dikuasai oleh pelajar bukan bumiputera sebagai mata pelajaran yang mampu memberikan

keputusan yang membanggakan sekolah dalam peperiksaan khususnya peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini adalah kerana penguasaan kepada mata pelajaran Sejarah sering dikaitkan dengan penguasaan bahasa Melayu yang dahulunya dikenali sebagai bahasa Malaysia. Kebanyakan fakta-fakta sejarah diperolehi melalui pembacaan. Pepatah Melayu ada mengatakan "banyak membaca, luas pengetahuan". Semakin banyak pembacaan pelajar maka semakin luaslah pengetahuannya dan semakin baiklah penguasaan mereka dalam mata pelajaran Sejarah. Malah mereka juga akan dapat meningkatkan tahap komunikasi mereka dengan pelajar lain dan dapat pula menufis dengan baik bagi menyampaikan fakta dan hujah dalam jawapan peperiksaan.

Walaupun bagaimanapun, perkara yang berlaku di sekolah ialah ramai dalam kalangan pelajar khususnya pelajar bukan bumiputera yang menghadapi masalah untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana beberapa faktor misalnya faktor latar belakang keluarga. Adakah ia memberi kesan langsung kepada pencapaian pelajar dalam Sejarah atau sebaliknya? Berdasarkan kepada persoalan inilah maka kajian ini dilaksanakan.

Sekali lagi dalam usaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu seharusnya isu bahasa bukan menjadi satu faktor utama adanya kelemahan penguasaan mata pelajaran sejarah dalam kalangan pelajar. Bangsa Malaysia adalah satu bangsa yang berbilang kaum tetapi menggunakan satu bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Oleh itu isu bahasa seharusnya bukan isu dominan menentukan tahap pencapaian pelajar. Dalam memupuk semangat perpaduan dan cintakan tanahair berbagai usaha perlu dilaksanakan bagi mengurangkan fenomena ini.

1.2. Latarbelakang kajian

Kedudukan Bahasa Melayu hari ini jelas mencerminkan penggunaanya yang sedang mengalami pembangunan pesat. Bagi yang mahir dalam bahasa mereka tahu cara mengungkapkan apa yang mereka ingin sampaikan. Tetapi sebaliknya bagi mereka yang kurang mahir berbahasa. Dari bahasa harian biasa pada tiga puluh tahun dahulu, bahasa Melayu sudah menjadi bahasa ilmiah untuk memikul banyak fungsi baru terutama sekali sebagai bahasa pengantar di sekolah, maktab dan universiti. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pentadbiran kerajaan dan perantaraan awam. Perkembangan bahasa ini dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Bahasa adalah alat pertubuhan yang penting dalam kehidupan. Bahasa menjadi medium perantaraan untuk bertubung antara satu sama lain iaitu untuk memahami kehendak, perasaan dan fikiran orang lain, menyatakan sesuatu untuk berfikir dan untuk menguasai sesuatu bidang pengetahuan. Diperingkat yang lebih tinggi, bahasa digunakan untuk memperoleh kecekapan dan kemahiran belajar dan mengajar, iaitu menerima dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Melalui bahasa juga seseorang boleh meluaskan pemikiran dan pengetahuan serta kebolehan menjadi sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat (Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam, 1985)

Namun ramai yang menganggap bahawa bahasa Melayu itu sebagai bahasa yang sukar khususnya dalam kalangan pengguna bukan bumiputera di Sabah. Apabila bahasa Melayu itu dirasakan sukar maka ia dianggap pula sebagai bahasa yang mudah berubah-ubah penggunaannya, tidak baku dan sebagainya. Faktor paling merosakkan ialah kekurangan kemahiran di dalam bahasa itu sendiri. Satu contoh mudah ialah pengaruh terjemahan bahasa

Inggeris yang disalah ertikan oleh pengguna. Selain itu guru-guru bahasa juga masih berkurangan. Banyak sekolah yang merungut tidak mempunyai guru bahasa Melayu. Kalaupun ada, selalunya terdapat pula guru tidak terlatih secara khusus dan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk mengajar bahasa Melayu.

Faktor lain ialah banyak bahasa yang diajar di dalam kelas tidak dapat diaplikasikan di luar kelas. Sebagai contoh, pelajar Cina akan lebih kerap menggunakan bahasa Cina dalam perbualan mereka. Pengukuhan pula kurang diberi penekanan iaitu suasana keluarga, sosial kurang menggalakkan. Di rumah bahasa Melayu mungkin tidak digunakan. Kalau adapun hanya di ~~pejabat-pejabat kerajaan~~, pejabat pos hospital dan di sekolah ketika guru mengajar. Pelajar-pelajar bukan bumiputera ini tidak menuturkan bahasa Melayu di rumah dan sebaliknya pelajar bumiputera lebih kerap menggunakannya. Di Semenanjung Malaysia penguasaan bahasa Melayu yang agak lemah ialah kerana bahasa Melayu tidak pernah diberi perbandingan sepenuhnya untuk ~~pembelajaran dan pengajaran kepada kaum~~ Cina dan India. Walaupun dalam tahun 1978 Lufi Abas telah membandingkan bahasa Melayu dengan ~~bahasa~~ Cina, Tamil, dan Inggeris namun terdapat banyak bahasa Cina, Tamil dan Inggeris yang digunakan.

1.3. Pernyataan Masalah

Melalui mata pelajaran Sejarah, semangat patriotisme, penerapan nilai perpaduan dan saling faham memahami antara kaum akan dapat ~~diterapkan~~ kedalam diri pelajar. Unsur patriotisme sentiasa diberi penekanan. Pelajar akan mencontohi perjuangan tokoh-tokoh ~~tempatan dan luar negara~~. Pengetahuan sejarah yang luas dapat membantu pelajar memperbaiki taraf

hidup mereka. Malah ia juga membantu negara merealisasikan hasrat **Wawasan 2020** seperti yang disarankan oleh mantan perdana menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad dalam kertas kerja *"Malaysia: The Way Forward"* pada tahun 1991 yang antara lain berbunyi seperti berikut:-

"Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala seginya: dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejawaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepaduan politik, system pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri" (kamarudin & Hazami, 1993)

Pernyataan ini sekali lagi menyokong betapa pentingnya rakyat Malaysia mempunyai keyakinan diri yang ditunjangi nilai-nilai mumi dan etika yang kukuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, adil dan ~~saksama~~, progresif dan berdaya maju. Inilah antara nilai-nilai yang diberi fokus dalam pendidikan sejarah. Oleh itu pendidikan sejarah mempunyai misi besar mendidik pelajar agar 'celik sejarah'. Rakyat di negara ini perlu mempunyai pengetahuan luas tentang perkembangan sejarah tanahair dan negara luar. Persaingan tidak dapat dielakkan dalam dunia globalisasi kerana kuasa politik dan ekonomi dikawal oleh masyarakat berilmu dan bermaklumat. Maka adalah penting perspektif pendidikan di Malaysia berpandukan kurikulum sejarah yang laus, ~~progresif~~ dan berorientasikan kepada pandangan futuristik yang turut menekankan kepada pendidikan bertaraf dunia yang berkait rapat dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (Abdul Rahim, 2002)

Walau bagaimanapun, seringkali terdapat ramai pelajar yang mengenenpikan kepentingan mata pelajaran Sejarah. Bagi mereka Sejarah adalah mata pelajaran yang tidak penting untuk masa depan dan membosankan. Tidak banyak kerjaya yang mampu diperolehi dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah. Keadaan ini berbeza dengan penerimaan dan tanggapan pelajar untuk mata pelajaran lain khususnya bahasa Inggeris, sains dan matematik. Tanggapan yang salah ini telah menjejaskan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Motivasi belajar mereka juga rendah. Adakah penguasaan bahasa juga mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar khususnya pelajar bukan bumiputera dalam mata pelajaran ini atau sebaliknya? Oleh yang demikian kajian ini akan cuba mengupas sedikit sebanyak mengenai persoalan ini. Disamping itu kajian akan memberikan tumpuan kepada aspek-aspek persekitaran seperti pengajaran guru dan latarbelakang yang mempengaruhi penguasaan pelajar bukan bumiputera dalam penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu.

Secara teorinya sudah tentulah pelajar bumiputera yang lebih menguasai penggunaan bahasa Melayu berbanding pelajar bukan bumiputera kerana mereka perlu lebih banyak mempelajari mengenai selok-belok bertutur bahasa Melayu. Ada diantara mereka yang memandang senang terhadap pembelajaran bahasa melayu kerana dirasakan tidak perlu kerana bahasa asing khususnya bahasa Inggeris dianggap lebih penting. Bahasa Inggeris mempunyai nilai ekonomi yang lebih tinggi lebih-lebih lagi dalam bidang swasta dan antarabangsa. Sejauhmanakah pengaruh tanggapan ini betul maka persoalan ini juga akan cuba dikupas oleh kajian ini.

Kemahiran bahasa amat penting untuk membolehkan tujuan berkomunikasi dalam bahasa yang digunakan. Bahasa wujud kerana manusia sentiasa cuba menyalurkan pemikiran perasaannya. Jikalau seseorang tidak berupaya menguasai semua kemahiran berbahasa tertentu dia akan menghadapi pelbagai masalah dalam hidupnya (Safiah, 1988)

1.4. Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan dapatan mengenai hubungan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar bukan bumiputera dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran sejarah. Kajian juga akan cuba untuk mendapatkan maklumat dan dapatan mengenai aspek-aspek dalaman dan luaran (persekitaran) serta latarbelakang yang mempengaruhi tahap penguasaan pelajar bukan bumiputera dalam bahasa Melayu dan mata pelajaran Sejarah. Penerimaan mereka terhadap kepentingan mata pelajaran Sejarah sebagai salah satu subjek teras dan perbandingan dengan mata pelajaran lain.

1.5. Persoalan kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang telah dinyatakan timbul beberapa persoalan iaitu:-

- a. Adakah pelajar bukan bumiputera mempunyai minat terhadap mata pelajaran Sejarah?
- b. Adakah pelajar bukan bumiputera mempunyai kesedaran mengenai kepentingan mata pelajaran Sejarah?

c. Adakah pelajar bukan bumiputera mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang baik dalam aspek penulisan, lisan, bacaan dan tatabahasa?

d. Adakah pelajar bumiputera bersetuju bahawa penguasaan bahasa Melayu akan membantu pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sejarah?

e. Adakah faktor latar belakang, pengaruh rakan sebaya dan pengajaran guru mempengaruhi penguasaan mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu?

1.6. Objektif kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dikemukakan, objektif kajian adalah berdasarkan kepada objektif-objektif yang berikut iaitu:-

a. Mengukur minat pelajar bukan bumiputera terhadap mata pelajaran Sejarah.

b. Mengukur tahap kesedaran pelajar bukan bumiputera mengenai kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada perpaduan negara.

c. Mengukur tahap penguasaan bahasa Melayu dalam aspek penguasaan lisan, tatabahasa, penulisan dan bacaan pelajar.

d. Untuk mengetahui samada terdapat hubungan signifikan terhadap penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian sejarah.

e. Untuk mengetahui samada terdapat hubungan signifikan antara faktor persekitaran dengan penguasaan bahasa Melayu.

f. Untuk mengetahui samada terdapat hubungan yang signifikan antara minat pelajar bukan bumiputera dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sejarah.

g. Untuk mengetahui samada terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran guru dan pembelajaran murid dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

1.7. Kepentingan kajian

Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran mengenai hubungan penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah khususnya dalam kalangan pelajar bukan bumiputera di sekitar bandaraya kota kinabalu, Sabah. Dalam konteks negara pada kebiasaannya pelajar bumiputeralah yang lebih meminati mata pelajaran Sejarah berbanding pelajar bukan bumiputera kerana juga berdasarkan latar belakang keluarga. Namun tidak bermakna ia akan menjamin mereka memperolehi keputusan yang membanggakan. Walau bagaimanapun Keadaan ini mungkin agak berbeza sedikit di negeri Sabah khususnya di kawasan kota kinabalu kerana ramai juga pelajar bumiputera yang masih lagi kurang menguasai sepenuhnya bahasa Melayu kerana faktor penggunaan bahasa ibunda. Lebih-lebih lagi masyarakat luar bandar. Adakah situasi ini yang berlaku atau sebaliknya?

Diharapkan hasil kajian ini nanti akan dapat digunakan untuk menilai kembali kaedah dan mutu pengajaran guru-guru di sekolah. Ini adalah kerana di sekolah terdapat ramai pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza-beza antara satu sama lain. Pendekatan pengajaran yang berbeza juga perlu diberikan kepada untuk 'menjinak-jinakkan' mereka dengan mata pelajaran Sejarah dan Bahasa Melayu. Perlu diingat bahawa seringkali tokoh negarawan menekankan kepentingan kedua-dua mata pelajaran dalam membentuk sebuah negara yang harmoni dan merdeka. Oleh itu menjadi tanggungjawab pendidik untuk menyemai nilai-nilai mumi kepada para pelajar agar dapat menjadi warganegara yang dapat memberikan sumbangan kepada negara.

Mata pelajaran Sejarah misalnya memberi penekanan kepada unsur kesinambungan dan perubahan yang telah berlaku dalam kehidupan masyarakat dan negara. Dengan ini pelajar memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang menyeluruh tentang masa lalu dalam usaha melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas tentang hakikat kini. Semoga sedikit sebanyak dapatan daripada kajian ini nanti akan dapat digunakan oleh warga pendidik dan pihak-pihak yang terbabit untuk membuat peneguhan pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu dan Sejarah di sekolah khususnya sekolah-sekolah sekitar Kota Kinabalu. Dalam konteks sekolah, ia akan menjadi rujukan kepada ketua-ketua bidang dan ketua penatua serta pihak pentadbir sendiri.

1.8. Hipotesis

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik memilih hipotesis kosong (H_0) untuk menyatakan hipotesis-hipotesis kajian. Antara hipotesis-hipotesis adalah seperti berikut:-

$H_0 1$: Tidak terdapat hubungan antara penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar bukan bumiputera dalam mata pelajaran Sejarah.

$H_0 2$: Tidak terdapat hubungan antara faktor persekitaran pelajar dengan penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu.

$H_0 3$: Tidak terdapat hubungan antara minat pelajar bukan bumiputera dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sejarah.

$H_0 4$: Tidak terdapat hubungan antara kaedah pengajaran guru dengan minat pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

$H_0 5$: Tidak terdapat hubungan antara kaedah pengajaran guru dan pembelajaran murid dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

1.9. Limitasi kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada beberapa buah sekolah yang terdapat di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Beberapa buah sekolah yang diambil kira ini dapat dibahagikan kepada sekolah harian biasa samada sekolah kerajaan dan sekolah swasta. Pelajar-pelajar yang terlibat pula

adalah dalam kalangan pelajar menengah atas iaitu tingkatan empat dan tingkatan lima sahaja. Dua mata pelajaran akan diberikan tumpuan untuk mendapatkan dapatan kajian iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Manakala hanya pelajar-pelajar bukan bumiputera sahaja yang akan digunakan untuk menjawab soalan-soalan soal selidik. Seramai beberapa orang pelajar akan dipilih secara rawak daripada setiap tingkatan daripada sekolah-sekolah yang terpilih.

1.10. Definisi operational.

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa istilah yang terdapat dalam item-item soal selidik. Antaranya ialah:-

1.10.1 Pelajar bukan bumiputera

pelajar bukan bumiputera yang merujuk kepada pelajar berbangsa cina, dan beberapa contoh kumpulan minoriti bukan bumiputera seperti pelajar berbangsa India, Indonesia, dan Filipino. Namun dalam kajian ini, penyelidik mendapati 99% daripada responden adalah berbangsa Cina. Dalam bahagian B item-item soalan lebih banyak cuba mengupas kepada aspek penerimaan konsep penguasaan bahasa Melayu terutama aspek lisan, tabahasa, penulisan dan bacaan serta konsep penerapan "bahasa merentasi kurikulum" yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di sekolah-sekolah.

1.10.2 Mata pelajaran teras

Dalam soalan 2 bahagian B, penyelidik menyatakan istilah mata pelajaran teras yang bermakna mata pelajaran yang wajib diambil atau diduduki oleh pelajar

dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Contoh mata pelajaran teras ialah mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

1.10.3 Penguasaan lisan

Dalam bahagian C, penyidik cuba mengupas berkaitan penguasaan lisan pelajar yang merujuk kepada kebolehan berkomunikasi dengan baik dalam penyampaian idea dan fakta atau semasa berkomunikasi dengan individu lain seperti rakan sebaya, guru dan ibu bapa. Begitu juga dengan kebolehan untuk menyebut perkataan dengan jelas dan menggunakan intonasi dengan betul.

1.10.4 Penguasaan tatabahasa

Seterusnya untuk bahagian D, penyidik lebih banyak menjurus kepada item-item yang mengupas berkaitan aspek penguasaan tatabahasa pelajar seperti penguasaan beberapa bentuk golongan kata dalam bahasa Melayu iaitu adakah pelajar dapat membezakan golongan-golongan kata tersebut dengan betul. Begitu juga dengan penggunaan laras-laras bahasa yang berbeza mengikut mata pelajaran. Kemahiran pembinaan ayat berdasarkan subjek dan predikat.

1.10.5 Penguasaan penulisan

Seterusnya dalam bahagian E, lebih merujuk kepada kebolehan pelajar untuk menulis dengan jelas dan kemas. Pengetahuan pelajar mengenai tanda baca yang betul dalam penulisan dan kebolehan pelajar menulis fakta dan huraian dengan betul serta mengikut tertib yang baik.